

# Buku tulisan Dr M dalam bahasa Russia

BH 30 JAN 2001  
PETRONAS menyerahkan 3,000 naskhah buku *Krisis Kewangan Malaysia: Bagaimana dan Mengapa ia Berlaku* yang ditulis oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Duta Kazakhstan ke Malaysia, Bolatkhan K Taizan.

Buku itu yang diterjemah ke bahasa Russia oleh Taizan, diedarkan oleh Pelanduk Publications (M)

Sdn Bhd adalah projek anjuran Petronas. Taizan adalah pakar dalam subjek hubungan ekonomi antarabangsa dan politik dunia.

Fasih berbahasa Kazakh, Arab, Inggeris dan Russia, beliau sebelum ini pernah menterjemah pelbagai kajian, komen dan bahan cetakan dalam teori dan amalan ekonomi dunia dan politik.

Buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris itu menceritakan dengan terperinci pengalaman Malaysia dalam menangani kegawatan ekonomi dan kewangan yang berlaku baru-baru ini.

Ia juga menerangkan tindakan dan langkah yang diambil oleh pemimpin negara untuk membawa negara kembali ke landasan pemulihan.